

A decorative border with a repeating floral and geometric pattern surrounds the central text.

BAB 4

BAB 4

PENUTUP

4.1 Kesimpulan

Hasil keseluruhan penyelidikan ini, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan sebagaimana berikut:

- 4.1.1 Al-Qur'ān telah menggunakan perkataan khalifah (pengganti) untuk menunjukkan maksud yang dikehendaki oleh Allah s.w.t. iaitu pemerintahan yang dijalankan oleh manusia hendaklah mengikut kehendak Allah Yang Maha Memiliki. Manusia hanya sekadar menguruskan suatu amanah dari Allah s.w.t. sebagai pentadbir bagi pihak-Nya.
- 4.1.2 Konsep pengganti (*khilāfah*) di dalam Islam telah menjamin bahawa pemerintahan Islam meletakkan pemimpin hanya sebagai wakil, bukan pemilik daerah dan wilayah pemerintahannya. Kuasa pemerintahan itu dikongsi bersama rakyat melalui kaedah syura bagi memenuhi kehendak Tuhan yang mencipta dan melantik manusia sejak awal sebagai pengganti.
- 4.1.3 Pemerintahan manusia silih berganti antara generasi demi generasi merangkumi golongan yang beriman dan kufur. Walau bagaimanapun, Allah s.w.t. menjanjikan bahawa kuasa pemerintahan dunia akan dikembalikan ke tangan orang yang beriman.

- 4.1.4 Majoriti masyarakat Islam di Kuala Lumpur sudah memahami topik *khilāfah* dengan baik termasuk golongan yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan sistem tersebut.
- 4.1.5 Pengajian ilmu agama secara rasmi tidak dapat memenuhi keperluan untuk memberi kefahaman tentang tajuk *khilāfah*. Program-program syarahan dan kuliah agama sangat berkesan dalam menampung kekurangan tersebut.

4.2 Saranan

Penulis juga menghimpunkan beberapa saranan hasil dari penyelidikan terhadap konsep *khilāfah* dan kefahaman masyarakat Islam terhadapnya, iaitu:

- 4.2.1 Aspek yang perlu diberi penekanan kepada masyarakat Islam, khususnya golongan pemerintah adalah konsep asas manusia sebagai pengganti dan bukan pemilik dunia.
- 4.2.2 Masyarakat Islam perlu diberi lebih pendedahan terhadap pengajian al-Qur'ān lantaran kebanyakan mereka hanya mengetahui topik *khilāfah* dari sumber sejarah, sedangkan asal-usul konsep ini diambil dari al-Qur'ān sendiri.
- 4.2.3 Dakwah Islam yang menyentuh konsep *khilāfah* Islam perlu diperluaskan kepada golongan bukan Islam supaya mereka mendapat gambaran yang sebenar tentang keistimewaan pandangan Islam

terhadap pemerintahan. Ini kerana dalam realiti Malaysia, cita-cita menegakkan sistem *khilāfah* perlu mendapat sokongan bersama golongan tersebut.

4.2.4 Aktiviti syarahan dan kuliah agama perlu diperluaskan kerana ia menjadi saluran utama masyarakat mendalami tajuk *khilāfah*. Dalam pada itu, saluran maklumat yang lain termasuk radio dan televisyen perlu menambah perbincangan mengenai topik *khilāfah* Islam.

4.1.5 Kedudukan Malaysia sebagai negara Islam wajar dinilai semula dari sudut praktiknya lantaran sebahagian besar masyarakat Islam Kuala Lumpur sendiri tidak mengiktirafnya.